SEBAHAGIAN bahan yang dipamerkan di galeri Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina UPM.

UTUSAN MALAYSIA 27/2/2017 p.2

Usaha menggalakkan budaya reka cipta

Dalam usaha untuk menggalakkan budaya reka cipta dan inovasi bagi kegunaan sendiri, rakyat Malaysia berhadapan dengan sikap masyarakat yang lebih menghargai produk luar.

Justeru, bagi mengikis sikap prejudis masyarakat terhadap produk inovasi tempatan, pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan dan pemain industri antaranya mengangkat martabat produk tempatan supaya setanding dengan produk luar.

Menurut **Prof. Madya Dr. Osman Mohd. Tahir**, Malaysia sebenarnya mempunyai produk yang berkualiti dan boleh diketengahkan, seterusnya dapat mengikis sikap tidak mengharagai produk sendiri. Ini menjadi cabaran dalam bidang reka bentuk dan inovasi.

"Apa yang penting, kita harus memastikan produk tempatan mempunyai keaslian dan keunggulan yang tersendiri dan dihasilkan dalam bentuk yang menarik perhatian seperti pembungkusan ataupun reka letak produk itu.

"Seterusnya bagaimana pemasaran produk itu dilakukan, dan juga penjenamaan atau identiti produk. Tidak dinafikan kita perlu mengawal kualiti dan reka bentuk produk, tapi dalam masa yang sama aspek pemasaran dan penjenaam juga penting dan harus diberi perhatian agar dapat memenuhi keperluan pengguna," katanya.

Tambah beliau, bagi isu pengkomersialan produk tempatan pula, ia turut merangkumi kesemua aspek kualiti, reka bentuk, pemasaran, penjenamaan dan sebagainya. Selain perlu mengetengahkan produk ke pasaran luar negara.

"Pemain industri memainkan peranan yang besar dalam bidang reka bentuk kerana setiap penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang mereka laksanakan akan melibatkan pelbagai agensi dan juga melibatkan geran.

"Oleh itu, melihat kepada R&D dalam bidang reka bentuk, ia adalah satu perkara penting dalam menghasilkan produk terbaik dan bersama-sama dengan pihak universiti serta para pereka, usaha ini mampu membawa produk tempatan untuk pergi lebih jauh," ujarnya.

FAKTA

- Reka bentuk merupakan satu perkara menarik kerana ia perlu menggunakan imaginasi dan menjadikannya satu realiti.
- Produk yang dihasilkan dan dikeluarkan dapat memberi kepuasan kepada mereka yang berjaya merealisasikan idea atau imaginasi tersebut.
- Bidang reka bentuk menjadikan persekitaran lebih menarik dan kehidupan menjadi lebih mudah dan selesa.
- Bidang reka bentuk turut menyumbang kepada perkembangan teknologi moden, pembangunan sains dan sosial, dapat memenuhi keperluan masyarakat dan paling penting, mampu memupuk nilai inovatif dan kreatif.